

DASAR PEMBASMIAN KEMISKINAN

Dasar Pembasmian Kemiskinan diperkenalkan pada Januari 2013 dan bantuan difokuskan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang telah berjaya dikeluarkan daripada kemiskinan tegar. Bantuan yang diberikan merupakan bantuan kewangan bulanan untuk meningkatkan pendapatan bulanan KIR melalui pemberian Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES). Pemberian BAES merupakan kesinambungan pemberian Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kadar pendapatan per kapita (PPK) iaitu RM260.00 telah digunakan mulai September 2020 bagi penyaluran bantuan berkaitan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri.

Syarat Asas Kelayakan :

- (i) Seorang warganegara Malaysia dan bermastautin di Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Mempunyai pendapatan isi rumah sebulan di bawah paras Pendapatan per Kapita (PPK) semasa yang digunakan oleh Kerajaan Negeri;
- (iii) Golongan yang tidak berkemampuan dan bekeperluan;
- (iv) Faktor-faktor lain yang diambil kira ialah bilangan anak/tanggungan, tahap ketidakupayaan ketua keluarga, keadaan rumah kediaman, kecacatan, keuzuran disebabkan penyakit; dan
- (v) Faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian.

MEKANISMA PEMBERIAN BANTUAN

1. PERMOHONAN

Pengendalian permohonan bantuan kewangan dibuat di peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

2. SIASATAN

Siasatan permohonan akan disiasat dalam tempoh dua (2) minggu dan keputusan permohonan tersebut akan dimaklumkan dalam tempoh satu (1) bulan setelah dokumen lengkap diterima oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

3. PENGIRAAN

Kadar pembayaran dan pengiraan asas kelayakan bantuan adalah seperti berikut :

- (i) Setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan penerimaan BAES akan dibayar pada kadar antara RM 100.00 (minimum) sehingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan.
- (ii) Kaedah pengiraan bayaran kepada penerima bantuan adalah seperti berikut :

a) Kaedah Pengiraan Tanpa Kos Rawatan Perubatan

$$\text{Pendapatan sebulan isi rumah/Bilangan isi rumah} = \text{Pendapatan per kapita}$$

Contoh pengiraan

$$\text{RM1,500.00/9 orang} = \text{RM166.00}$$

$$\text{Kekurangan : RM260.00 – Rm 166.00} = \text{RM 94.00}$$

$$\text{Kelayakan Bantuan : RM94 x 9} = \text{RM846.00}$$

Di dalam pengiraan kelayakan bantuan yang patut dibayar adalah RM850.00 sebulan selepas dikenakan.

b) Kaedah Pengiraan Dengan Kos Rawatan Perubatan

$$\text{Pendapatan sebulan isi rumah – Kos rawatan perubatan / Bilangan isi rumah} = \text{Pendapatan per kapita}$$

Contoh Pengiraan :

$$(\text{RM1,500.00} - \text{RM800.00})/5 = \text{RM140}$$

$$\text{Kekurangan : RM260.00- Rm140.00} = \text{RM120.00}$$

$$\text{Kelayakan Bantuan} = \text{RM120.00 x 5 orang} = \text{RM600}$$

Di dalam pengiraan ini kelayakan bantuan yang dibayar adalah RM 600.00 sebulan.

4. TEMPOH BANTUAN :

- (i) Tempoh pemberian BAES adalah selama 12 bulan sahaja dan dikira secara tahun fiskal bermula bulan pertama pembayaran dilakukan kepada penerima bantuan. Kajian semula terhadap kelulusan setiap penerima bantuan perlu dilakukan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat pemberian.

- (ii) Sekiranya penerima bantuan masih mempunyai kelayakan, pemberian untuk tempoh berikutnya akan dikira setelah tempoh pemberian sedia ada tamat.

5. KAEDAH PEMBAYARAN

- (i) Penerima perlu membuka akaun di mana-mana bank dan pembayaran wang bantuan akan dikreditkan ke akaun tersebut setelah selesai kelulusan dan proses bayaran.

Jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) yang menerima Bantuan Agenda Ekonomi Saksama sehingga Jun 2021 adalah seramai : 1,632 KIR